



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Penerima Skim Mysalam Yang Dijangkiti Koronavirus
Layak Buat Tuntutan

☐ Selasa, Feb 11 2020☐ ☐

PUTRAJAYA, 11 FEB --Bagi yang layak mendapatkan Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam yang didapati dijangkiti novel coronavirus 2019 (2019-nCoV), mereka layak menuntut bayaran ganti rugi hilang pendapatan yang bernilai RM50 sehari, sehingga 14 hari.

Seorang pegawai Kementerian Kewangan berkata demikian semasa menjawab soalan media sama ada skim itu meliputi mereka yang dijangkiti 2019-nCoV, ketika ditemui di majlis pelancaran skim mySalam lanjutan di sini hari ini.

Pegawai itu turut mengatakan bahawa sekiranya pesakit itu dimasukkan ke wad akibat komplikasi koronavirus, mereka malah boleh membuat

tuntutan bagi penyakit kritikal yang melibatkan pembayaran “one off” berjumlah RM8,000.

Sementara itu skim mySalam lanjutan yang berkuat kuasa 1 Jan lepas meliputi sembilan lagi penyakit kritikal termasuk polio, menjadikan jumlah penyakit yang diliputi kini adalah 45.

Menteri Kewangan Lim Guan Eng semasa majlis pelancaran itu berkata skim lanjutan itu turut melibatkan peningkatan had umur kepada 65 daripada 55 sebelum ini, penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang bujang dan orang kurang upaya, dan kini termasuk kumpulan M40 dengan pendapatan kasar tahunan RM100,000 dan ke bawah.

Antara yang hadir di majlis pelancaran itu ialah Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan timbalannya Dr Lee Boon Chye, serta Timbalan Menteri Kewangan Datuk Amiruddin Hamzah.

-- BERNAMA



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian

Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas

Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data